

Lelaki mengaku tidak bersalah menipu jurujual bebaskan rakan warga China ditahan imigresen

KUCHING: Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan menipu seorang jurujual sebanyak RM26,000 kononnya bagi membantu membebaskan rakannya, seorang wanita warga China yang ditahan pihak imigresen.

Pengakuan itu dibuat tertuduh berusia 34 tahun terbabit sebaik pertuduhan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Iris Awen Jon.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang setahun dan tidak melebihi 14 tahun dan sebatan dan boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Tertuduh yang diwakili peguam dibenarkan bebas dengan ikat jamin RM20,000 dengan RM5,000 didepositkan, berserta dua orang penjamin tempatan.

Iris juga menetapkan pengurusan kes pada 14 Julai



DIDAKWA: Tertuduh (kiri) diiring polis selesai prosiding kes semalam.

2026, selain memerintahkan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa memperdayakan mangsa lelaki berusia 36 tahun sehingga

mendorongnya memin-dahkan RM26,000 ke akaun bank milik tertuduh.

Mangsa dikatakan berbuat demikian selepas dipercayai bahawa tertuduh boleh membantu membebaskan seorang wanita daripada

tahanan Jabatan Imigresen Malaysia.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya di sebuah premis makanan di Lorong Tun Ahmad Zaidi Adruce di sini pada 29 September 2025, sekitar jam 1 petang.

Difahamkan, tertuduh dipercayai memberi jaminan bahawa wanita terbabit akan dibebaskan dan kes berkenaan dapat diselesaikan tanpa tindakan lanjut.

Mangsa kemudian dikatakan membuat beberapa transaksi pemindahan wang, namun mangsa kemudiannya mendapati wanita berkenaan tetap dikenakan tindakan oleh Jabatan Imigresen sebelum diusir pulang ke negara asal.

Mangsa yang berasa dirinya ditipu seterusnya tampil membuat laporan polis untuk tindakan lanjut.

Pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Chuah Kai Sheng.